



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Minit Mesyuarat Tergempar JMB MC Amansiara (2022/006)

Tarikh : 02hb Jun 2022

Tempat : Bilik Mesyuarat, Pejabat Pengurusan

Masa / Hari : 8.30pm / Khamis

Hadir:

1. Ramesh Sandiran (Pengerusi)
2. Michael Jude (Setiausaha)
3. Wan Muhammad Khairul Anwar bin Ibrahim
4. Lim Soon Cheong
5. Kuah Poh Wei
6. Ng Wai Ket
7. Soo Han Wei

Tidak Hadir Tanpa Sebab:

1. Lim Chee Kiong
2. Tam Wei Lun
3. Abdul Salam Bin Ahmad Suhaimi
4. Law Siong Guan
5. Sauttary a/p D. Elumalai
6. Sin Chui Ling (Bendahari)

AGENDA

- (1) Pengosongan Jawatan Anggota Jawatankuasa;
- (2) Isu Berbangkit.





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

PERMULAAN

Encik Ramesh memulakan mesyuarat pada jam 9.00 malam untuk memberi waktu sementara menunggu anggota jawatankuasa yang belum hadir.

PERBINCANGAN

1. Pengosongan Jawatan Anggota Jawatankuasa


Encik Ramesh memberitahu panggilan mesyuarat tergepar pada malam ini berkaitan cadangan untuk menyingkirkan anggota-anggota jawatankuasa yang terbabit di dalam perbuatan salah laku mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Beliau memaklumkan kepada anggota jawatankuasa yang hadir bahawa perbincangan dan tindakan segera perlu diambil berikutan dengan suatu perkara yang amat serius yang telah berlaku baru-baru ini berkaitan isu kebocoran bumbung yang telah dibincangkan pada mesyuarat atas talian pada 12 Mac 2022.

Dalam perkara tersebut, satu ketetapan telah pun dibuat mengikut undian majoriti bahawa anggota jawatankuasa telah bersetuju dengan penggantian bumbung baru mengikut spesifikasi bahan dan harga dicadangkan oleh kontraktor dengan jumlah kos tidak melebihi RM7,800.00 bagi setiap rumah yang terbabit (merujuk kepada minit mesyuarat atas talian bertarikh 12 Mac 2022).

Encik Law Siong Guan ada memberitahu bahawa kontraktor dilantik, Dynaspec Sdn Bhd, akan cuba berurusan dengan pihak insurans, Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad untuk memeriksa sama ada tuntutan insurans dapat dibuat mengikut peruntukan yang ada dan maklumbalas akan diberi dalam masa seminggu (1 minggu) dari tarikh mesyuarat tersebut. Namun, tidak ada sebarang informasi atau maklumbalas yang diberikan oleh pihak kontraktor sehingga pejabat pengurusan Taman Amansiara dimaklumkan berkaitan tuntutan insurans oleh pihak Tokio Marine Insurans melalui emel dan penghantaran dokumen melalui pos.

Encik Ramesh memberitahu perkara yang memeranjatkan beliau apabila diketahui bahawa Encik Law Siong Guan dan Encik Abdul Salam bin Suhaimi yang pada peringkat awal berurusan dengan pihak Tokio Marine Insurans telah meletakkan kos anggaran penggantian kerosakan bumbung sebanyak RM14,800.00 bagi tuntutan setiap rumah (Rujukan surat bertarikh 20.03.2022 berkenaan Incident Report – ZPP-Z0039311 WA-AGY-21).





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Namun begitu, dalam penghantaran borang tuntutan dan sebut harga kontraktor yang sebenar didapati nilai kos berbeza telah dituntut. Yang lebih mengejutkan ialah nilainya jauh lebih tinggi, antara **RM20,000.00 sehingga RM37,000.00** setiap rumah. **Jumlah keseluruhan yang dituntut melebihi RM550,000.00.**

Perkara tuntutan insurans tersebut tidak pernah dibawa untuk dibincang, dibentang dan/atau diminit dalam mana-mana mesyuarat anggota jawatankuasa. Encik Ramesh dan Encik Michael mendapati **Surat Rasmi JMB MC Amansiara telah dipalsukan** demi membuat tuntutan tersebut. Hal-hal ini adalah sama sekali bertentangan dengan tatacara Akta 757 dan juga perundangan negara.

Susulan dengan kesalahan dan kelakuan anggota jawatankuasa yang terlibat. Encik Ramesh mencadangkan kepada anggota jawatankuasa yang hadir untuk menyingkirkan anggota-anggota yang nama tersenarai seperti di bawah demi menjaga nama baik JMB MC Amansiara dan memastikan kelancaran tugas demi kesejahteraan penduduk Taman Amansiara: -

1. Law Siong Guan

- Tidak menghadiri mesyuarat anggota jawatankuasa yang dipanggil oleh pengerusi sebanyak 3 kali berturut-turut tanpa sebab dan kebenaran bertulis (08.04.2022, 29.04.2022 & 14.05.2022);
- Menyalahgunakan jawatan sebagai Setiausaha JMB (telah hilang kelayakan pada 24.01.2022);
- Mencipta dan mengguna surat rasmi palsu;
- Mendua dan menggunakan "rubber stamp" palsu;
- Memanggil dan menjalankan mesyuarat yang tidak sah (selepas 24.01.2022);
- Membuat paparan-paparan berunsur negatif yang cuba memburukkan nama baik anggota jawatankuasa lain dan pihak JMB di media sosial;
- Membuat tuntutan insurans palsu tanpa dibentangkan dalam mana-mana mesyuarat anggota jawatankuasa; dan
- Melakukan kacauganggu di pejabat pengurusan.

2. Sauttary A/P D. Elumalai

- Tidak menghadiri mesyuarat anggota jawatankuasa yang dipanggil oleh pengerusi sebanyak 3 kali berturut-turut tanpa sebab dan kebenaran bertulis (08.04.2022, 29.04.2022 & 14.05.2022);
- Bertindak sebagai "wakil perantaraan" dalam urusan tuntutan insurans dengan pihak Tokio Marine Insurans tanpa kebenaran dan/atau persetujuan dari pihak JMB;
- Bersuhabat dan menyimpan rahsia dalam perkara tuntutan insurans;
- Menghadiri mesyuarat anggota jawatankuasa yang tidak dipanggil dan/atau tidak mengikut tatacara Akta 757;





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

- Sering memaparkan komen-komen sensitif dan berbau kebencian terhadap anggota jawatankuasa lain dan pihak JMB di media sosial;
- Melakukan kacauganggu di pejabat pengurusan sambil membuat rakaman video/audio/gambar terhadap pekerja pejabat walaupun telah diberi nasihat dan/atau amaran larangan oleh pihak pejabat pengurusan.

3. Abdul Salam bin Ahmad Suhaimi

- Tidak menghadiri mesyuarat anggota jawatankuasa yang dipanggil oleh pengerusi sebanyak 3 kali berturut-turut tanpa sebab dan kebenaran bertulis (08.04.2022, 29.04.2022 & 14.05.2022);
- Terlibat dengan tuntutan insurans palsu;
- Memanggil dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat anggota jawatankuasa yang tidak mengikut tatacara;
- Menggunakan media sosial menyebarkan maklumat-maklumat palsu dan berunsur penghasutan dan penyalahertian surat-surat rasmi yang diedarkan kepada JMB MC Amansiara tanpa kebenaran dan/atau persetujuan daripada anggota jawatankuasa;
- Menyalahgunakan jawatan Pengerusi dalam urusan rasmi (telah hilang kelayakan sebagai pengerusi JMB pada 24.01.2022);
- Menggunakan 'letterhead' dan 'rubberstamp' palsu;
- Menimbulkan kacauganggu di pejabat pengurusan;
- Berkumpul dengan penduduk menjalankan gangguan di pejabat pengurusan.

4. Tam Wei Lun

- Tidak menghadiri mesyuarat anggota jawatankuasa yang dipanggil oleh pengerusi sebanyak 3 kali berturut-turut tanpa sebab dan kebenaran bertulis (08.04.2022, 29.04.2022 & 14.05.2022);
- Menimbulkan kacauganggu di pejabat pengurusan;
- Sebaran dan paparan menentang JMB di media sosial;
- Menghadiri mesyuarat anggota jawatankuasa yang tidak dipanggil dan/atau tidak mengikut tatacara Akta 757;
- Menyalahertian sebaran surat-surat rasmi yang dipaparkan di media sosial berunsur hasutan.

5. Sin Chui Ling

- Tidak menghadiri mesyuarat anggota jawatankuasa yang dipanggil oleh pengerusi sebanyak 3 kali berturut-turut tanpa sebab dan kebenaran bertulis (08.04.2022, 29.04.2022 & 14.05.2022);
- Membuat paparan kenyataan rasmi di sosial media yang mengandungi 'letterhead' dan 'rubberstamp' yang palsu;
- membenarkan pencerobohan individu-individu yang tidak mempunyai kebenaran ke dalam pejabat pengurusan dan penyelongkaran dokumen-dokumen kewangan JMB yang kemudiannya dipaparkan ke media sosial tanpa kebenaran pihak JMB.





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

- Menghadiri mesyuarat anggota jawatankuasa yang tidak dipanggil dan/atau tidak mengikut tatacara Akta 757.

6. Lim Chee Kiong

- Tidak menghadiri mesyuarat anggota jawatankuasa yang dipanggil oleh pengerusi sebanyak 3 kali berturut-turut tanpa sebab dan kebenaran bertulis (29.04.2022, 14.05.2022 & 30.05.2022).

Cadangan (A)

Setelah semua penjelasan di atas disenaraikan dan dibentangkan dalam mesyuarat, Encik Ng Wai Ket mencadangkan agar kesemua enam (6) anggota jawatankuasa yang nama tersenarai di atas disingkirkan dari jawatannya dengan serta-merta. Encik Lim Soon Cheong dan Encik Kuah Poh Wei menyokong usul tersebut.

Cadangan (B)

Encik Michael Jude juga mencadangkan untuk membuat ketetapan supaya melarang individu-individu terbabit tidak lagi bertanding sebagai anggota jawatankuasa dalam mana-mana mesyuarat agung tahunan (AGM) mahupun mesyuarat agung luar biasa (EGM),

Ketetapan

- Keputusan dibuat sebulat suara oleh anggota jawatankuasa yang hadir iaitu enam (6) orang anggota jawatankuasa yang tersenarai di bawah disingkirkan berkuatkuasa 02 Jun 2022 dan tidak berhak mewakili JMB MC Amansiara dalam sebarang aktiviti atau urusan rasmi: -

1. Law Siong Guan
2. Sauttary A/P D. Elumalai
3. Abdul Salam bin Ahmad Suhaimi
4. Tam Wei Lun
5. Sin Chui Ling
6. Lim Chee Kiong

- Kesemua enam (6) orang yang disingkirkan tidak dibenarkan bertanding untuk sebarang jawatan di dalam mesyuarat agung tahunan (AGM) dan mesyuarat agung luar biasa (EGM) JMB MC Amansiara.





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

- Surat rasmi akan dihantar melalui emel dan/atau melalui pos kepada enam (6) orang yang disingkir.
- Surat pemberitahuan telah dihantar kepada pihak Tokio Marine Insurans berkaitan perkara tersebut dan satu salinan kepada pihak peguam JMB untuk tindakan selanjutnya.

2. Isu Berbangkit

A. Penggantian Kekosongan Jawatan Utama

Encik Ramesh memaklumkan bahawa jawatan Bendahari menjadi kosong selepas penyingkiran Puan Sin Chui Ling. Encik Lim Soon Cheong mencalonkan Encik Wan Muhammad Khairul Anwar menggantikan jawatan kosong tersebut sebagai Bendahari baru.

Ketetapan

- Encik Wan Muhammad Khairul Anwar dilantik sebagai Bendahari JMB baru tanpa bertanding dan disokong oleh semua anggota jawatankuasa yang hadir.

(a) Nama pemegang jawatan utama; -

Pengerusi	Ramesh A/L Sandiran
Setiausaha	Michael Jude
Bendahari	Wan Muhammad Khairul Anwar bin Ibrahim

(b) Nama penandatanganan cek pembayaran bank; -

Pengerusi	Ramesh A/L Sandiran
Setiausaha	Michael Jude
Bendahari	Wan Muhammad Khairul Anwar bin Ibrahim





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

- **Cek pembayaran yang jumlahnya kurang dari RM10,000.00 ditandatangani oleh mana-mana dua (2) penandatangan tersebut di atas.**
- **Cek pembayaran yang jumlahnya melebihi RM10,000.00 ditandatangani oleh tiga (3) penandatangan tersebut di atas.**
- **Ketetapan ini dipersetujui oleh semua anggota jawatankuasa yang hadir.**

B. Kes Tribunal TPS/B-0066-1/2022 dan TPS/B-0351-1/2022

Encik Wan Muhammad Khairul telah menggantikan Encik Ramesh menghadiri sesi pendengaran di Tribunal pada 02 Jun 2022.

Beliau memaklumkan bahawa Encik Law Siong Guan dan Encik Tam Wei Lun telah menghadirkan diri ke pendengaran tersebut. Encik Law Siong Guan tampil ke hadapan dan menggelar diri beliau sebagai Setiausaha JMB untuk mewakili JMB dalam sesi pendengaran kes TPS/B-0066-1/2022 dan beliau telah membuat serahan dokumen yang tidak dikenal pasti kepada Tribunal dalam sesi pendengaran tersebut.

Perwakilan Encik Law Siong Guan tersebut tidak dibincang dan diputuskan oleh anggota jawatankuasa dalam mesyuarat anggota jawatankuasa. Encik Ramesh memberitahu sekali lagi Encik Law Siong Guan menyalahguna dan menyamar diri sebagai Setiausaha JMB.

Keputusan sesi pendengaran kes Tribunal: -

- (1) Kes TPS/B-0066-1/2022
 - **Penuntut dan penentang (JMB MC Amansiara) perlu menghantar dokumen-dokumen berkaitan kes tersebut kepada kedua-dua pihak dalam masa 14 hari atau sebelum 14 Jun 2022.**
 - **Tarikh dan masa pendengaran baru akan diberitahu kemudian melalui pos dan/atau melalui emel oleh Tribunal.**





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

(2) Kes TPS/B-0351-1/2022

- Tribunal mengarahkan pihak penuntut menarik balik kes tersebut atas sebab dokumentasi yang tidak mencukupi.

Penutup

Encik Ramesh mengucapkan terima kasih kepada anggota jawatankuasa yang hadir. Mesyuarat ditamatkan pada jam 10.30 malam.

Disediakan,

(Michael Jude)
Setiausaha JMB MC Amansiara



Diluluskan oleh:

(Ramesh A/L Sandiran)
Pengerusi JMB MC Amansiara

